

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21/05/2008

UMNO Pusat sudah terima surat Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 20 Mei - Ibu Pejabat UMNO hari ini secara rasmi menerima surat keluar parti daripada bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Surat berkenaan dihantar sendiri oleh salah seorang pegawai Dr. Mahathir kepada Setiausaha Agung UMNO, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, pukul 4 petang.

Tengku Adnan ketika dihubungi *Utusan Malaysia* mengesahkan perkara itu.

"Surat ini kita akan jawab (tidak lama lagi)," katanya di sini hari ini.

Tengku Adnan juga mengesahkan bahawa setakat petang ini, beliau hanya menerima surat keluar parti daripada pihak Dr. Mahathir sahaja dan bukan

pihak-pihak lain.

"Tidak ada, setakat ini hanya surat pihak Tun sahaja yang kami terima," katanya.

Dr. Mahathir yang juga bekas Perdana Menteri semalam mengumumkan keluar daripada UMNO, berkuat kuasa serta-merta.

Bekas presiden UMNO selama 22 tahun antara 1981 hingga 2003 dan merupakan antara ahli terawal parti itu sejak penubuhannya pada 1946 berkata, beliau bertindak demikian kerana hilang keyakinan terhadap kepimpinan Presiden UMNO sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya umum saya keluar parti hari ini," katanya di hadapan kira-kira 1,000 hadirin yang kebanyakannya anggota UMNO

U.M. - 21/5/2008
Kedah pada Forum *Nasib Kedudukan Bangsa Melayu* di Kedah, semalam.

Menurut anggota UMNO seumur hidup itu, beliau hanya akan kembali menyertai UMNO selepas Abdullah yang juga Perdana Menteri meletak jawatan atau tidak lagi menjadi pemimpin negara.

Sebelum pengumuman itu, beliau memberi cadangan supaya pemimpin cawangan dan bahagian parti itu meletakkan jawatan masing-masing sebagai isyarat kepada Abdullah supaya meletakkan jawatan dalam parti sebelum pemilihan UMNO Disember ini.

"Saya tidak akan suruh orang lain buat sesuatu (letak jawatan dan keluar UMNO) yang mana saya sendiri tidak berani buat," kata beliau.